

**BERITA COVID-19** -19: Wujudkan Pelan Tindakan Khusus bantu wanita, keluarga - Shahrizat | Lebih 69,000 pekerja asing di Sabah |

AM

## Program sulung penempatan jurutera, latihan prasiswazah dalam industri MTC bermula bulan depan



15/02/2021 04:39 PM

KUALA LUMPUR, 15 Feb -- Majlis Kayu-kayan Malaysia (MTC) akan melancarkan Program Penempatan Jurutera dan Latihan Prasiswazah Dalam Industri Kayu-kayan 2021 untuk jurutera, siswazah teknologi perkayuan dan mahasiswa, pada Mac ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Muhtar Suhaili berkata program sulung dengan kerjasama institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam negara dan persatuan kayu-kayan ialah sebuah platform untuk jurutera, siswazah teknologi perkayuan dan mahasiswa diserap ke syarikat berasaskan kayu bagi tujuan penempatan dan latihan prasiswazah untuk memberikan peluang kepada golongan ini membina kerjaya di dalam industri perkayuan.

"Keperluan untuk khidmat jurutera semakin penting dengan langkah syarikat pengeluar berasaskan kayu mengubah model operasi mereka ke arah pendigitalan dan pengeluaran pintar berikutan kesan pandemik COVID-19 ke atas perniagaan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambahan pula, beliau berkata program penempatan jurutera ialah program setahun untuk jurutera menjalani latihan di tempat kerja di bawah bimbingan profesional sementara latihan prasiswazah pula terbuka kepada mahasiswa.

Beliau berkata MTC juga akan menanggung kos latihan selain daripada menyediakan elaun untuk peserta.

Muhtar berkata program itu merupakan sebahagian daripada pelan lima tahun MTC yang ditumpukan untuk meningkatkan bilangan pekerja berpengetahuan di dalam industri.

-- BERNAMA

## Lagi Berita



Urus Dan Didik Pesakit Penyakit Tak Berjangkit (NCD) Dalam Norma Baru



Sayangilah Gajah Pygmy Borneo



Ekonomi Thailand menguncup 6.1 peratus pada 2020

## BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA  
No.28 Jalan BERNAMA  
Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia

### Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Tenaga
- Sukan
- Politik
- Rencana
- Dunia
- Nam News Network

### Laman Mikro

- Kesihatan
- Webinar

### Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

### Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan Perkhidmatan
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender

+603-2693 9933 (Talian Am)

helpdesk[at]bernama.com



(NNN)

- Tinta Minda
  - Infografik
  - Video
  - Images
  - Siaran Media
- Eksklusif
- Arkib

© 2021 BERNAMA • Penafian • Dasar Privasi • Dasar Keselamatan